



TEKS UCAPAN

YS PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL

PENGARAH

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA SUKBOM

Tarikh / Masa

09 OGOS 2024 (JUMAAT) / 10.00 PAGI

Tempat

**DEWAN BAKAWALI
JBPM NEGERI SELANGOR**

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,
PENOLONG PENGUASA BOMBA SITI ASMAH BINTI
JAMION**

**TERIMA KASIH JUGA KEPADA PEMBACA DOA,
PENGUASA KANAN BOMBA II BUKHARI BIN AHMAD**

YANG BERUSAHA

**PENGUASA KANAN BOMBA I
AHMAD MUKHLIS BIN MUKHTAR
PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI
SELANGOR
MERANGKAP SETIAUSAHA PERSKEB NEGERI SELANGOR
YANG JUGA MERUPAKAN KETUA KONTIJEN JBPM NEGERI
SELANGOR**

PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN,

KETUA-KETUA ZON,

**KETUA-KETUA BALAI,
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,
ATLIT ATLIT SUKBOM NEGERI SELANGOR**

**SERTA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN YANG DIKASIHI
SEKALIAN.**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH

SALAM SEJAHTERA

SALAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BERPRESTASI TINGGI, CEPAT DAN MESRA.

SALAM MALAYSIA MADANI

ALHAMDULLILLAH, MERAFAK RASA PUJI DAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH BERKAT DAN KEIZINAN DARIPADA-NYA, DAPAT KITA BERSUA DAN BERKUMPUL SEKALI LAGI, DALAM KEHARMONIAN PAGI INI, DI DALAM **MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTIJEN SUKBOM 2024 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SELANGOR.**

IZINKAN SAYA MULAKAN UCAPAN PADA HARI INI DENGAN MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG BERADA DI HADAPAN SAYA ATAS SEMANGAT JUANG YANG TINGGI BAGI MEWAKILI BOMBA SELANGOR.

SAYA TAHU, ADA DIANTARA TUAN PUAN YANG TELAH BANYAK BERKORBAN TENAGA, USAHA DAN WANG RINGGIT BAGI MEMASTIKAN SETIAP PERANCANGAN YANG TELAH DILAKUKAN BERJALAN DENGAN LANCAR.

JADI, TANAMKAN DALAM DIRI TUAN PUAN SEMUA, PENGORBANAN YANG TELAH DILAKUKAN INI,

SEHARUSNYA MEMBAWA PULANGAN YANG TERBAIK
BUAT KITA SEMUA.

PASTIKAN USAHA KITA SELAMA INI AKAN MEMBERIKAN
KITA SATU TITIK AKHIR YANG MEMBAWA KEBAHAGIAAN
DA KEGEMBIRAAN BUAT KITA SEMUA.

SAYA MENITIPKAN DOA KEPADA TUAN PUAN SEMUA
ATLIT BOMBA SELANGOR AGAR DAPAT MEMBERIKAN
SATU SAINGAN YANG CUKUP HEBAT KEPADA SEMUA
KONTIJEN YANG LAIN SEPANJANG SUKBOM INI
BERLANGSUNG.

JADI, DALAM TEMPOH YANG MASIH BERBAKI INI //
GUNAKAN SEPENUH RUANG DAN PELUANG // UNTUK
TERUS BERLATIH BERSUNGGUH-SUNGGUH //

SUPAYA NANTI IANYA DIBAYAR DENGAN KEGEMBIRAAN //
TATKALA PINGAT DIKALUNGKAN KEPADA TUAN PUAN
SEMUA.

SEBAGAI CABARAN KEPADA TUAN PUAN SEMUA.

MARI KITA IMBAU KEMBALI, KEJAYAAN BOMBA SELANGOR
PADA SUKBOM 2022.

SELANGOR BERADA DI **KEDUDUKAN KETIGA** DENGAN
PUNGUTAN PINGAT

10 EMAS

12 PERAK

14 GANGSA

DART

4 EMAS

1 GANGSA

PING PONG

3 EMAS

1 GANGSA

TENPIN BOLING

1 EMAS

2 PERAK

1 GANGSA

BADMINTON

1 EMAS

3 PERAK

2 GANGSA

KAROM

1 EMAS

2 PERAK

1 GANGSA

OLAHRAGA

4 PERAK

1 GANGSA

MR. WONDERFUL

1 PERAK

TARIK TALI

1 GANGSA

TENNIS

4 GANGSA

GOLF

2 GANGSA

MANAKALA

BAGI **BOMBA BUSKERS** PULA, PADA SUKBOM EDISI
TAHUN LEPAS,

KITA TELAH MENDAPAT NAIB JOHAN.

MAKA, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA ATLET BOMBA SELANGOR, UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN INI KEMBALI TERUKIR DENGAN LEBIH BANYAK PUNGUTAN PINGAT KITA AKAN PEROLEHI.

ATLET BOMBA SELANGOR SEKALIAN

SAYA JUGA INGIN BERPELANCONG KEPADA SEMUA, AGAR BERTANDING SECARA SIHAT DENGAN PENUH SEMANGAT KESUKANAN.

JANGAN MENIMBULKAN SEBARANG PROVOKASI DAN MASALAH SEPANJANG BERADA DI KEDAH DAN PERLIS.

TUAN PUAN DIMOHON UNTUK SENTIASA MENJAGA NAMA BAIK KONTIJEN BOMBA SELANGOR SERTA NAMA BAIK JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA.

BERANGKAT KE SUKBOM NANTI SEBAGAI SEBUAH PASUKAN YANG DIGERUNI, // PULANG KELAK SEBAGAI SEBUAH PASUKAN YANG PUJI.

SEBELUM MENUTUP TIRAI UCAPAN, SEKALI LAGI SAYA INGIN ZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG HADIR PADA HARI INI KERANA SUDI MELUANGKAN MADA UNTUK SAMA-SAMA BERHIMPUN SEBAGAI KELUARGA BOMBA SELANGOR.

SELAMAT MAJU JAYA KONTIJEN SELANGOR.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
TAALAH WABARAKATUH.
TERIMA KASIH.